

# The First Weeks in York – To Do List & Important Information

*Dokumen ini memberi panduan mengenai perkara-perkara utama yang perlu/ digalakkan dilakukan di dalam minggu-minggu pertama bagi famili yang baru sampai di York, UK. Namun sebahagian info di dalam dokumen ini juga boleh digunakan oleh single student. Walau bagaimanapun mungkin ada perkara selain dari yang disenaraikan di bawah ini yang penting untuk dilaksanakan. Ini hanyalah sebagai pedoman.*

## **1. Membuka Akaun Bank**

### *1.1 Bank-bank yang terdapat di York*

Merupakan perkara utama kerana banyak perkara lain seperti urusan telefon, internet, on-line shopping dan sebagainya memerlukan adanya akaun bank UK dan debit/credit card.

Bank-bank yg terletak berhampiran kampus Uni ialah Barclays, Natwest, Lloyd TSB dan HSBC (terletak berhampiran Post Office di jalan menghala Heslington Village). Bank-bank yg lain seperti Halifax, etc terletak di York City Center.

Setiap bank mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing dan pilihan bergantung kepada individu. Sila bertanya kepada bank berkenaan (atau information di website mereka) utk mendapatkan lebih maklumat.

*\*\*\* Adalah digalakkan membuka akaun di bank di dalam/sekitar kawasan kampus untuk kemudahan dan keselesaan.*

### *1.1 Prosedur membuka akaun bank*

- a) Pilih bank mana yg berkenan dihati sanubari
- b) Bawa dokumen seperti Passport, Uni offer letter, Scholar Award Letter dan Surat Pengesahan student / alamat daru Uni of York
- c) Surat pengesahan student dan alamat boleh diperolehi dari Graduate School. Isi boring kat GS ofis. Alamat rumah yg dimasukkan mestilah sama dgn yg berdaftar (cuba staf GS bertugas). Utk issue surat ini, GS ofis perlukan nama & alamat penuh bank tersebut.
- d) Jumpa pegawai bank bertugas / aturkan temujanji terlebih dahulu (untuk peak season seperti dlm bulan Sept-Oct)
- e) Selain akaun bank, cuba dapatkan debit card & credit card. Jika perlukan cek, buka current account (tapi sesetengah bank mempunyai monthly/annual charges bagi current account)

## **2. Mendaftar sebagai student di Uni of York**

Pendaftaran boleh dibuat samada di Graduate School atau terus di Department masing-masing (tanya Dept mengenai perkara tersebut). Pendaftaran tersebut merangkumi:

- a) pendaftaran student
- b) permohonan kad pelajar
- c) pendaftaran utk menggunakan Library Services dan
- d) pendaftaran untuk menggunakan Computing Services (username & password utk gunakan kemudahan komputer/internet Universiti).

## **3. Pendaftaran NHS (National Health Service)**

Setiap pelajar/anggota famili perlu mendaftar di NHS utk mendapatkan kemudahan NHS tersebut. Kebiasaanya pihak Uni of York akan memperuntukkan satu hari bagi proses pendaftaran NHS didalam minggu suaikenal (awal Oktober).

Sekiranya tidak berkesempatan, sila berjumpa dengan staff di Uni Health Center untuk bertanyakan mengenai pendaftaran tersebut. Health Center terletak bersebelahan dengan Dept Physics & Electronics (diseberang tasik sekiranya anda berada di Central Hall). Dengan pendaftaran NHS ini, seorang GP (Doktor) akan di'assign'kan kpd student/famili terbabit.

## **4. Rumah Sewa Private (bagi sesiapa yg belum dapat rumah sewa)**

### *4.1 Mencari rumah utk disewa*

Ada pelbagai cara / website untuk mencari rumah sewa

- a) Minta senarai private house list dari accommodation ofis Uni. Mereka akan hantar e-mail senarai rumah sewa (detail) setiap minggu. Tapi rumah sewa di dalam list ini hanya yang berdaftar dengan Uni sahaja.

To contact Accommodation Ofis:

Tel: (01904) 432165

Fax: (01904) 434030

Email: [accommodation@york.ac.uk](mailto:accommodation@york.ac.uk)

- b) Cari sendiri di website:

Website untuk permulaan boleh guna :

- i) <http://www.findaproperty.com/>

-type rent & york utk pencarian

- ii) <http://york.gumtree.com/>

- iii) Small add juga kadangkala terdapat iklan untuk rumah famili (tapi biasanya utk single student accommodation).

Untuk melihat secara kasar lokasi & jarak berdasarkan poskod, cuba google map.

<http://maps.google.co.uk/maps?hl=en&tab=wl>.

Untuk mencari rumah sewa juga boleh dilakukan dengan check terus di laman web agen-agen tersebut.

## **SILA LIHAT LAMPIRAN A UTK DETAILS MENGENAI AGEN RUMAH**

### *4.2 Houseviewing*

Houseviewing dilakukan bagi melihat sendiri rumah tersebut. Kena tetapkan masa & tarikh dengan owner atau agen tersebut. Houseviewing ini tidak bermaksud kita semestinya perlu menyewa rumah terbabit. Ianya hanya memberi peluang kepada bakal penyewa untuk melihat rumah dan lokasi. Ini boleh dilakukan sendiri atau boleh minta orang di York viewling (sekiranya masih berada di Malaysia).

Antara perkara yg perlu dipehatikan semasa houseviewing ialah:

i) Keadaan rumah

- ini termasuk saiz bilik, dapur, ruang tamu, heater (penting terutama musim sejuk), boiler utk air panas, kunci pintu (terutama pintu hadapan), stor utk simpan brg (jika ada), backyard utk anak bermain (jika ada). Kebiasaanya rumah sewa di York adalah dlm keadaan OK.

ii) Keadaan perabut / alat elektrik

- rumah furnished sepatutnya mempunyai fridge freezer, cooker, sofa set, meja + kerusi makan, katil (mungkin tilam dan bantal – bergantung kepada owner), Kadang kala kita boleh request utk beberapa item lain seperti meja study etc. Cuba berbincang dgn owner / agen mengenai perkara tersebut
- rumah unfurnished biasanya mempunyai dua item sahaja iaitu fridge freezer dan cooker.

iii) Lokasi

- ini juga penting kerana terdapat ebberapa lokasi yang tidak sesuai diduduki terutama bagi foreigners e.g: kawasan yang selalu berlaku jenayah / kawasan yang selalu remaja berkeliaran. Oleh itu penting dapatkan rumah yang selesa dan tenang di hati dan selamat bagi keluarga. Semasa search rumah, jika nak dekat dengan uni, bole cari sekitar 1@2 miles dari poskod YO10 5DD. Antara kawasan yang direkomenkan ialah: Heslington Road, Heslington Village, Fulford, Hull Road, Lawrence Street, Melrosegate, SouthBank, Osbaldwick, etc. Tang Hall pun ok bagi kawasan yg terletak berdekatan dgn Hull Road. Kawasan2 ini still walking distance/bole naik basikal dari uni.

#### 4.3 *Kontrak*

Jika berpuashati, bolehlah tandatangani kontrak. Kebanyakan kontrak & deposit rumah bergantung kepada agent, ada 3 bulan, 6 bulan or 1 tahun (biasanya 6 bulan). Lagi pendek kontrak lagi bagus sebab mudah utk cari rumah lain (jika mahu pindah ler) tanpa menunggu lama.

Untuk tandatangani kontrak, sila bawa:

- i. Pasport & salinan (semua ahli keluarga)
- ii. Salinan surat tajaan biasiswa
- iii. Pengesahan jawatan
- iv. Traveller cek/cash/visa card etc utk pembayaran deposit & sewa bulanan

Dokumen-dokumen in diperlukan utk memudahkan proses tandatangan kontrak. Seorang saksi diperlukan untuk pengesahan maklumat.

Walau bagaimanapun, dinasihatkan jangan terlalu memilih untuk menyewa rumah. Agak sukar untuk mendapatkan semua kriteria yg OK. Mungkin selepas tinggal beberapa bulan disini bolehlah mencari rumah yang lain pula (itu pun kalau rasa nak pindah) atau mungkin dapat offer tinggal di rumah Uni.

#### **5. Mendaftar anak di sekolah**

Terdapat banyak sekolah rendah dan beberapa sekolah menengah di kawasan berhampiran Uni. Pilihan sekolah bergantung kepada individu. Kebiasaannya lebih mudah memilih sekolah yg berhampiran dengan rumah masing-masing. Link kat bawah ni merupakan sekolah2 yg terletak di dalam radius 3 miles dari Uni.

<http://uk.local.com/results.aspx?keyword=schools&location=8+Spring+Lane%2c+Heslington%2c+York&sort=relevance&filter=&enabledletters=&radius=3&page=1>

Sistem persekolahan disini bermula di bulan September. Untuk anak-anak yg berumur 3 tahun (lahir sebelum Sept tahun terabit), mereka boleh mengikuti nursery. Walaubagaimanapun, tidak semua sekolah memiliki nursery dan tidak semua nursery ini free. Sekolah yg dikenalpasti mempunyai free nursery ialah St. Lawrences CE Primary School (di Heslington Road). Sekolah lain pun mungkin ada cuba check kat website yg diberi dibawah. Namun anak-anak yg berumur kurang dari 3 tahun juga boleh didaftarkan dahulu (walaupun tidak memasuki sekolah pada tahun terabit) untuk booked tempat.

Anak 4 tahun boleh memasuki reception class (free dan semua sekolah ada reception class). Year 1 utk kanak-kanak 5 tahun dsn seterusnya sehingga Year 6 bagi sekolah rendah. Selepas itu mereka akan memasuki sekolah menengah.

Untuk anak yg berumur 2-3 tahun pun boleh dihantar ke Playgroup. Setakat ini hanya Tang Hall Primary School sahaja mempunyai facility tersebut dan bayaran dikenakan sebanyak GBP10 seminggu.

Pertanyaan/pendaftaran anak-anak boleh dilakukan disekolah terbabit. Antara dokumen yang perlu dibawa ialah:

- a) passpot anak dan parents
- b) birth certificate anak

Pendaftaran ini juga boleh dilakukan di Malaysia lagi (sebelum bertolak ke York) jika sudah diketahui dengan pasti alamat/kawasan rumah yang akan didiami di York nanti. Website yang boleh diakses utk mendapatkan information mengenai sekolah di York ialah:

- a) [www.york.gov.uk/education](http://www.york.gov.uk/education)
- b) or email [education.queries@york.gov.uk](mailto:education.queries@york.gov.uk)
- c) or [www.admissions.york.gov.uk](http://www.admissions.york.gov.uk)

## **6. Membeli kereta**

Bagi famili, kereta boleh dikatakan satu keperluan, terutama untuk membeli barang harian, makanan halal dan untuk mengambil / menghantar anak ke sekolah.

### *6.1 Harga Kereta*

Harga untuk sebuah kereta terpakai yang dalam keadaan yang memuaskan adalah sekitar £500-£600. Sekiranya ada budget yang lebih besar, maka lebih banyak pilihan dan lebih banyak peluang untuk mendapatkan kereta yang lebih baik. Kereta di sini kebanyakannya adalah kereta manual, jadi agak sukar untuk membeli kereta automatic.

### *6.2 Iklan kereta terpakai*

Iklan kereta untuk dijual selalunya ada di SmallAds (Uni of York internal access only), surat khabar, AutoTrader dan eBay. Website AutoTrader ([www.autotrader.co.uk](http://www.autotrader.co.uk)) and eBay Motor ([motors.ebay.co.uk](http://motors.ebay.co.uk)) boleh diakses dari Malaysia untuk mengetahui secara kasar harga dan pasaran semasa kereta di UK.

### *6.3 Insuran kereta*

Insuran kereta untuk setahun lebih kurang £200-£350, bergantung kepada jenis kereta, lokasi rumah, umur pemandu, jenis coverage. Paling murah dan mudah melalui internet di mana perbandingan harga boleh dilakukan.

Antara insurance company yg biasa digunakan ialah *Churchill, Tesco Insurance, AA Insurance etc.* Bagi sesiapa yg suka berjalan di UK, digalakkan mengambil Breakdown Cover utk kemudahan jika berlaku kerosakan kereta di dalam perjalanan (asing dari insurance kereta dan boleh ambil dari company yg berlainan). Yg disyorkan ialah *AA Breakdown Service* dan *RAC*.

#### 6.4 *Road tax*

Kadar road tax untuk kereta < 1549cc = £115, > 1549cc = £180. Kalau bernasib baik, kereta yang dibeli sudah ada road tax dan tak perlu diperbaharui. Road tax boleh diperbaharui di Post Office Broadway, York, ataupun on-line di website DVLA (perlu ada MOT cert dan insurance kereta, serta debit/credit card utk on-line payment).

#### 6.5 *MOT*

MOT test (ala Puspakom di Malaysia) adalah ujian keadaan kenderaan yang perlu dilakukan setiap tahun. Kos sekitar £40-£300, bergantung kepada keadaan kereta. Antara garage yg terdekat utk MOT ialah PAUL GARLAND yg terletak di Lawrence Street (berhadapan dengan stesyen minyak JET).

Walaubagaimana pun, dinasihati untuk membeli kereta yg masih lagi mempunyai MOT and Road Tax (kereta yg tiada MOT memang lebih murah harganya tetapi ada kemungkinan ianya tiada MOT sebab failed. Nanti takut kena htr scrap yard jer).

### **7. Membeli barangan keperluan**

#### 7.1 *Barangan runcit/ keperluan harian*

Barang keperluan seharian boleh dibeli di supermarkets: *Asda, Tesco, Morrison, Sommerfield, Tesco*. Selalunya mengambil masa 10 minit dengan menggunakan kereta, dan selalunya hanya perlu pergi seminggu sekali sahaja. Terdapat juga perkhidmatan bas kesana (tetapi mungkin bukan terus dari Uni, kena ke City Center dahulu dan ambil bas yg lain kesana).

Nak jalan kaki pun boleh. Dua pasaraya yg paling dekat ialah Sommerfield (di Hull Road) dan yang kedua dekat ialah Morrison (di Foss Island). Iceland dan ALDI (di Fulford Road) pun tidak jauh bagi sesiapa yg tinggal berhampiran Southbank. Cuma susah sikit ler nak bawa balik brg kalau shopping byk.

Sekiranya tiada kenderaan, boleh gunakan kemudahan “on-line shopping”. Antara yg pasti mempunyai facility on-line shopping ini ialah ASDA, Tesco dan Sainsbury. (perlu ada debit or credit card utk menggunakan kemudahan tersebut i.e. dah buka akaun bank UK).

#### 7.2 *Barangan makanan mentah*

Daging halal, beras, dan juga barang-barang dari Malaysia/Asia kebiasaannya dibeli di Leeds dan Bradford. Perlu menggunakan kereta dan tempoh perjalanan lebih kurang 45 minit untuk ke Leeds dan 1 jam untuk ke Bradford. Selalunya pergi sebulan sekali sahaja, lebih kerap jika perlu contohnya nak buat kenduri, party, dsb. Sekiranya masih lagi tiada kereta, mintalah bantuan dari org lama kat York.

Daging halal di York kadang-kadang boleh didapati di supermarkets Sainsburys dan Netto tetapi stok selalunya terhad.

### 7.3 *Barangan elektrik dan perabot*

Barangan elektrik yang baru boleh beli di kedai berikut atau melalui internet diwebsite kedai terbabit: Argos, Comets dan Currys (3 kedai yang biasa dilawati)

Barangan elektrik yang terpakai melalui iklan SmallAds, York Gumtree atau local ads yang lain.

Barang-barang perabot - selalunya beli terpakai tapi masih dalam keadaan baik. Selalunya diiklankan di Small Ads, York Gumtree dan local ads. Boleh juga dibeli di Carboot sales. Utk penghantaran, kadangkala penjual akan hantar ke rumah tetapi ada juga yang pembeli kena collect sendiri dan sediakan pengangkutan.

Boleh juga diperolehi percuma dari Freecycle, cuma tidak dijamin boleh dapat atau tidak.

## **8 Sistem pengangkutan awam**

Sistem pengangkutan awam disini adalah effisien. Dua jenis yg selalu diguakan ialah bas dan taxi.

### 8.1 *Bas*

Information mengenai bas boleh diperolehi diwebsiti ini <http://www.firstgroup.com/>. Di website tersebut boleh diperolehi route map bus (utk syarikat first bus shj) di sekitar York dan juga kadar tambang yg dikenakan (ada single, return, first day, family fare etc). Sykt first bus ni boleh dikatakan cover semua kwsn di York.

Bas yg biasa digunakan oleh student dari Uni ke City Center (or return) ialah bus No 4 (Purple Line, bas FTR panjang. Route dia York Uni - Heslington Road -York City Center – Station - Acomb. Hentian terakhir di Uni ialah depan Heslington Hall).

### 8.2 *Taxi*

Salah satu lagi cara ialah menggunakan perkhidmatan teksi. Ada byk syrkt teksi (cuba browse kat internet) tapi syarikat teksi yg biasa kami guna ialah:

- i) EBOR taxi (01904-641441)
- ii) A-Team (01904-643111)
- iii) Six-Five-Nine (01904-659659)

Call je taxi ni. Mereka akan dtg ke rumah atau ditempat yg kita tunggu. Tambang EBOR taxi ada 10% discount bagi student. Yg lain, tak pasti.

### 8.3 *Kereta Sewa*

Jika ingin sewa kereta, boleh dapatkan di syarikat Enterprise rent-a car (yg termurah di York). Boleh juga sewa 7 seaters or Van untuk mengangkut brg.

Alamat & Contact:

15 FOSS ISLAND ROAD

YORK YO31 7UL

Tel.: 01904-623000

[http://www.enterprise.co.uk/car\\_rental/home.do](http://www.enterprise.co.uk/car_rental/home.do)

## 9. **Nak dapatkan telefon line, internet etc**

Pendaftaran untuk telefon dan internet selalunya memerlukan alamat tetap (obviously!) dan juga akaun bank. Untuk penyambungan talian BT boleh call 0808 100 7722. Boleh juga dibuat melalui internet (cuba cari BT website di google).

Sekiranya rumah tersebut tiada lagi line BT, kos penyambungan line anggaran GBP100. Sewa bulanan pula ialah GBP10. Kadar panggilan boleh diperolehi di website tersebut.

Kadar untuk membuat panggilan ke Malaysia agak murah, sekitar 2-4 pence seminit (tapi perlu gunakan kemudahan TELEDISCOUNT. Dapatkan number telediscount tersebut dari org lama York. (e.g: 08444-621-621 - Utk phone landline). Dail nombor ini. Then ada arahan masukkan number phone. Mulakan dgn 006 (int code Malaysia) dan dikuti dengan nombor telefon (e.g. 03-19191919)

Kos untuk broadband internet lebih kurang GBP15 sebulan. Kebanyakan Malaysian di York menggunakan perkhidmatan dari Tiscali. Ada juga dari company yg lain. Cuba browse guna google dan type broadband UK. **Untuk mendapatlan perkhidmatan internet tersebut, perlu ada BT line terlebih dahulu (wajib).**

Boleh juga mengambil secara pakej untuk telefon, satellite TV dan broadband, kos lebih kurang £30 sebulan. Antara syarikat yg menawarkan pakej ini ialah SKY.

## 10. **Nak bekerja**

Penting juga utk salah seorang dari famili bekerja utk menampung kos perbelanjaan kerana kos sara hidup / sewa rumah yg tinggi di York.

### 10.1 *Bagaimana nak cari kerja*

Ada beberapa cara utk mendapatkan info berkenaan iklan kerja kosong:

- i. Member2 especially dr orang lama atau yg sedang bekerja
- ii. York Press. Hari Rabu biasanya banyak iklan kerja kosong.  
([www.yorkpress.co.uk](http://www.yorkpress.co.uk))

- iii. Ejen pekerjaan spt KHS personnel – 01904655267
- iv. Boleh juga terus ke tempat tersebut seperti di ASDA, Sainsbury, kedai-kedai di area Monk Cross Retail Park, kedai di City Center etc
- v. Dependable – ramai staf mereka adalah Malaysian. Boleh apply online [http://www.dependable.co.uk/aboutus/job\\_opportunities/cleaning\\_vacancies](http://www.dependable.co.uk/aboutus/job_opportunities/cleaning_vacancies). Tapi better by recommendation dr Malaysian yg sudah bekerja. Ini yg di practice skrg.

### 10.2 National Insurance Number (NINO)

Setiap yg bekerja perlu ada NINO. Boleh diperolehi setelah bekerja atau sebelum mencari pekerjaan. Biasanya lagi mudah utk mendapat kerja jika telah mempunyai NINO.

Prosedur nak apply NINO:

- a) Call jobcentre plus untuk buat appointment (01904 682100).
- b) Kalau memenuhi syarat untuk apply NI, mereka akan setkan terus tarikh interview dan akan disusuli dgn surat panggilan interview.
- c) Tempat interview di York Monkgate Jobcentre Plus Office, 11-17 Monkgate, York, YO31 7JZ

Perkara yg perlu dibawa semasa temuduga

- a) Bawa diri
- b) passport dan UK visa (tak perlu work permit)
- c) surat pengesahan majikan (jika sudah mendapat kerja)
- d) house rental agreement untuk bukti alamat menetap
- e) sijil kawin kalau pemohon adalah student dependant
- f) birth cert
- g) surat tawaran uni

Pemohon akan menerima surat pemberitahuan NINO. Dalam beberapa minggu, pemohon akan menerima national insurance numbercard. Bila berhubung dgn Department for Work & Pensions/HM Revenue & customs, mereka akan mintak NINO tersebut.

## 11. Pengecualian dari membayar Council Tax

Utk yang menyewa rumah private, suka diberitahu bahawa setiap rumah perlu membayar council tax. Kebiasaanya owner akan minta penyewa utk membayar tax tersebut. Walaubagaimaan pun, bagi rumah private yg dihuni oleh student dan student dependant

sahaja (spouse dan ank-anak), ianya dikecualikan dari tax tersebut dengan syarat dimaklumkan kepada council terlebih dahulu.

Pengecualian ini boleh dibuat secara on-line di website York City Council (ini adalah cara terbaru tapi utk kepastian sila bertanya kpd Graduate School) or pergi sendiri ke York Council Office dengan membawa dokumen di bawah:

- i) surat dt registrar yg mengatakan kita fulltime student
- ii). bawa passport spouse yg menunjukkan spouse sbg student dependent

## **12. Penyewa Rumah Private UNFURNISHED – Nak beli perabot??**

Mungkin banyak items yang terpaksa dibeli kerana owner hanya sediakan Fridge/Freezer dan Cooker sahaja.

Kebanyakan perabot (kerusi, meja, katil, tilam, almari) boleh didapati dari carboot (lebih murah). Sesetengah penjual memberi perkhidmatan penghantaran ke rumah.

Sekiranya anda ingin membeli secara pukal (banyak sekaligus mungkin dapat diskaun) terdapat kedai perabot terpakai di 4<sup>th</sup> Ave, Tang Hall (berdekatan Tang Hall Primary School) di mana terdapat katil, meja makan, meja computer, almari dan sebagainya (bergantung kepada availability) yang menawarkan harga berpatutan dan penghantaran ke rumah dengan charge GBP5.

Anda juga boleh melayari laman Smallads, York Gumtree dan York freecycle dari semasa ke semasa. Mana-mana kaedah pun biasanya memerlukan pengangkutan untuk perabot bersaiz besar.

Untuk collect barangan tersebut perlukan kenderaan besar seperti Van (boleh sewa). Atau gunakan khidmat removals (e.g. Minster removals (01904438373)). Ada byk lagi syarikat removal di kawasan York. Cuba browse di google (type removal York UK). Biasanya kos ialah GBP40 utk satu jam.

Kalau nak beli baru pun boleh tapi kosnya amatlah tinggi. Boleh lihat di Argos bagi kebanyakan barang baru untuk perabot dan elektrik, dan Comets dan Currys utk brgn elektrik. Kalau beli baru mereka akan hantar ke rumah.

Barangan lain yang perlu dibeli ialah di bawah ni (penting ni kalau nak tidur selesa). Cuba lihat smallAds (used items) atau boleh beli di ASDA, Tesco etc (tilam tak pasti).

1. Duvet + sarung (kuantiti secukupnya)
2. Bantal + sarung
3. Tilam

## **FREecycle...!!!**

Ada satu cara lain lagi yg mungkin boleh digunakan utk dapatkan byk brgn (used items) secara percuma iaitu York Freecycle. Join group tersebut, free jer (browse google), Then htr mesej seperti berikut:

*e.g. "WANTED: ANYTHING - Foreign family/student just arrived and seeking for any useful items for our UNFURNISHED HSE"*

Seorang rakan kami di UK ni menceritakan bagaimana satu famili yg baru sampai di UK (sewa UNfurnished hse) memperolehi byk brg perabut & elektrik (second hand ler) secara percuma melalui kaedah tersebut. Hanya sediakan pengangkutan sahaja. Ramai yg offer used items e.g electrical items, perabut, bedding, etc dan hampir semua benda. Rumahnya penuh dgn brgn freecycle ni. Tapi syaratnya, kena ambil sendiri kat owner tersebut. Org yg terlibat dlm freecycle ni memang biasanya utamakan famili yg betul-betul memerlukan brgn tersebut. Mereka ini kebanyakannya memang bertimbangrasa dan kebanyakannya juga tiada sifat racist, iaitu mereka akan beri brgn tersebut kpd sesiapa shj tidak kira bangsa dgn syarat org yg menerima itu adalah yg betul-betul berhak.

Cubalah..Tak cuba tak tahu..!!

### **13. Brgn yg perlu dibeli oleh semua FAMILI BARU**

Byk brgn yg perlu dibeli. Tapi belilah berperingkat jika nak jimat. Beli yg utama dahulu. Brgn terpakai pun boleh digunakan.

Antara barangan elektrik yang perlu dibeli untuk kegunaan harian ialah (brgn tersebut memang tidak disediakan oleh tuan rumah):

1. Periuk nasi – anggaran £18 (baru)
2. Cerek elektrik
3. Seterika elektrik
4. Freezer (esp. bila tuan rumah bagi mini fridge/freezer jer) - £150  
ASDA ambil masa 28 hari untuk penghantaran, manakala Argos 5 hingga 31 hari (bergantung kepada pakej).
5. Mesin basuh
6. TV
7. Mesin pengisar
8. Ketuhar gelombang (Microwave)
9. Toaster
10. Vacuum cleaner /Hoover

Semua barangan di atas boleh dibeli terus dari kedai atau secara online (syarat kena ada kad kredit). Nak beli yg terpakai pun OK (SmallAds atau di Carboot Sales. Tapi biasa ler, ada risiko sikit. Setakat ni apa yg kami belu tu OK ler). Untuk minggu pertama di York, hiduplah secara bersederhana dulu (beli no.1 & 2 jer dulu) terutama kalau duit tunai di tangan tak banyak.

#### **14. Nak cari mainan anak-anak?**

Beli jer kat Carboot Sales. Memang masih elok dan teramat murah dibandingkan dengan harga asal. Tanya kepada orang lama bagaimana nak ke Carboot ni. Nak beli stroller/buggy anak-anak pun elok kat carboot sebab murah dan banyak yang masih lagi ok conditionnya.

#### **15. Car Boot Sale & Charity Shops**

Berikut senarai dan alamat car boot sale & charity shops sekitar york/uni sekiranya anda memerlukan barang keperluan tapi tidak semuanya available sepanjang tahun.

- a) Giant Car Boot Sale  
Corban Lane, Wigginton, York  
Every Sunday from April to October
- b) York Sunday Market Car Boot Sale  
York Auction Centre, Murton, York  
Tel: 01904 486713  
Every Sunday
- c) York Racecourse Car Boot Sale  
Every Saturday (unless there is a race meeting) from April to October
- d) Woodlands Charity Shop (kebanyakannya pakaian)  
271-3 Melrosegate, Tel 01904 410 140
- e) St. Leonard&s Hospice Shop Ltd (kedai perabot terpakai)  
68, Fourth Avenue, Tang Hall, York, North Yorkshire YO31 0UB  
Tel: 01904 430939

---

**KEPADA SEMUA WARGA BARU MALAYSIAN-YORK, DI UCAPKAN SELAMAT DATANG DAN SELAMAT MENEMPUHI ALAM HIDUP DI UK. MEMANG MENGAMBIL SEDIKIT MASA UNTUK SETTLE DOWN SEPENUHNYA. PERLU BERUSAHA, BERSABAR DAN BERDOA. SEMOGA KITA SEMUA DILINDUNGI OLEHNYA**

**Oleh:**

**MALAYSIAN-YORK COMMUNITY GROUP**

**2008**

**LAMPIRAN A: Senarai Agen-agen Rumah Sewa York****PRIVATE SECTOR RENTED PROPERTY - INFORMATION SHEET**  
The following agencies can sometimes offer rented property to staff and students

<b>ESTATE AGENTS</b>		<b>Tel: (Std Code 01904)</b>	<b>Fax:</b>
<b>T J Mudd &amp; Co</b>	5 Peckitt Street York YO1 9SF <a href="mailto:enquiries@tjmudd.com">enquiries@tjmudd.com</a> <a href="http://www.tjmudd.com">www.tjmudd.com</a>	<b>621554</b>	<b>622364</b>
<b>Quantum Estate Agency</b>	6 Walmgate, York YO1 9TJ	<b>631631</b>	<b>670480</b>
<b>ACCOMMODATION &amp; LETTING AGENCIES</b>			
<b>Belvoir York</b>	27 Walmgate, York YO1 9TX <a href="mailto:belvoir-york@supanet.com">belvoir-york@supanet.com</a> <a href="http://www.belvoirletting.com">www.belvoirletting.com</a>	<b>674888</b>	<b>670088</b>
<b>City Lets</b>	20 Castlegate, York, YO1 4RP <a href="mailto:info@cityletsyork.co.uk">info@cityletsyork.co.uk</a> <a href="http://www.cityletsyork.co.uk">www.cityletsyork.co.uk</a>	<b>652729</b>	<b>653476</b>
<b>Copley &amp; Co Property Management Services</b>	1 - 5 The Shambles York YO1 7LZ <a href="mailto:york@copleys.co.uk">york@copleys.co.uk</a> <a href="http://www.copleys.co.uk">www.copleys.co.uk</a>	<b>632336</b>	<b>670128</b>
<b>Discount Letting Service Direct Ltd</b>	Unit 7 Meridian Court Cumberland Place London SE6 1LB <a href="mailto:enquiry@discountlettingservicedirect.co.uk">enquiry@discountlettingservicedirect.co.uk</a>	<b>020 8697 0984</b>	
<b>First Choice Student Accommodation</b>	Stoneleigh, Sandhill Lane, Sutton upon Derwent York YO41 4BX <a href="http://www.firstchoicestudentaccommodation.co.uk">www.firstchoicestudentaccommodation.co.uk</a>	<b>607687/608921</b>	
<b>Hudson moody</b>	5 High Petergate York YO1 7EN <a href="http://www.hudson-moody.com/petergate@hudson-moody.com">http://www.hudson-moody.com/petergate@hudson-moody.com</a>	<b>650650</b>	<b>650651</b>
<b>Jordan's Home Rental Specialists</b>	23 Micklegate, York YO1 6JH <a href="mailto:karen.packham@jordansrentals.com">karen.packham@jordansrentals.com</a> <a href="http://www.jordansrentals.com">www.jordansrentals.com</a>	<b>557420</b>	<b>557425</b>
<b>2LETAgency [UKALA] Lettings &amp; Property Management</b>	2 Bar Lane, Micklegate, York YO1 6JU <a href="mailto:info@2letagency.co.uk">info@2letagency.co.uk</a> <a href="http://www.2letagency.co.uk">www.2letagency.co.uk</a>	<b>675200</b>	
<b>Letters of York</b>	11 Walmgate York YO1 9TX <a href="mailto:agents@letters.ltd.uk">agents@letters.ltd.uk</a> <a href="http://www.letters.ltd.uk">www.letters.ltd.uk</a>	<b>655200</b>	<b>651388</b>
<b>Lawton Letting &amp; Relocation</b>	22 High Petergate York YO1 7HS <a href="mailto:enquiries@lawtonletting.co.uk">enquiries@lawtonletting.co.uk</a>	<b>634498</b>	<b>676163</b>
<b>Linley &amp; Simpson, York</b>	23A Micklegate York North Yorkshire YO1 6JH <a href="mailto:york@linleyandsimpson.co.uk">york@linleyandsimpson.co.uk</a> <a href="http://www.linleyandsimpson.co.uk">www.linleyandsimpson.co.uk</a>	<b>0845 618 1459</b>	<b>611951</b>
<b>Progress Property</b>	16A Heslington Road, York YO10 5AT <a href="mailto:progressproperty@btconnect.com">progressproperty@btconnect.com</a> <a href="http://www.progressproperty.net">www.progressproperty.net</a>	<b>676666</b>	<b>676665</b>
<b>Martin &amp; Co, York</b>	1 Vine Street York North Yorkshire YO23 1BB <a href="mailto:york@martinco.com">york@martinco.com</a> <a href="http://martinco.com/york/lettings">http://martinco.com/york/lettings</a>	<b>0845 478 789</b>	<b>647777</b>
<b>Minster Property</b>	64 Walmgate, York, YO1 9TL <a href="mailto:minsterlets@aol.com">minsterlets@aol.com</a>	<b>640640</b>	<b>639639</b>

<b>Sinclair Properties</b>	Sinclair House, Main Street, Heslington York, YO10 5EB <a href="http://www.sinclair-properties.com">www.sinclair-properties.com</a> <a href="mailto:info@sinclair-properties.com">info@sinclair-properties.com</a>	<b>427428</b>	<b>427429</b>
<b>Reeds &amp; Rains, York</b>	29 Micklegate York North Yorkshire YO1 1JH <a href="mailto:york@reedsrains.co.uk">york@reedsrains.co.uk</a> <a href="http://www.reedsrains.co.uk">www.reedsrains.co.uk</a>	<b>0845 296 0687</b>	<b>624745</b>
<b>York Property Company</b>	49 Stonegate, York, YO1 8AW <a href="http://www.yorkpropertycompany.co.uk">www.yorkpropertycompany.co.uk</a> <a href="mailto:info@yorkpropertycompany.co.uk">info@yorkpropertycompany.co.uk</a>	<b>640900</b>	<b>641800</b>
<b>Yorkshire Residential Letting Agents</b>	58 Gillygate, York, YO31 7EQ <a href="http://www.yrla.co.uk">www.yrla.co.uk</a> <a href="mailto:enquiries@yrla.co.uk">enquiries@yrla.co.uk</a>	<b>622854</b>	<b>mbl: 07798 875338</b>
	utk student : <a href="http://www.yrla.co.uk/accommodation_in_york/student_accommodation.html">http://www.yrla.co.uk/accommodation_in_york/student_accommodation.html</a>		
	General accomodation: <a href="http://www.yrla.co.uk/accommodation_in_york/general_accommodation.html">http://www.yrla.co.uk/accommodation_in_york/general_accommodation.html</a>		

Most agencies charge a fee which is usually equivalent to the first week's rent. Please note that the Accommodation Agencies Act 1953 states that applicants should not be charged a fee unless accommodation is accepted. Agencies are not allowed to charge for providing a list of properties or putting your name on a 'register'. Agencies may charge for drawing up a tenancy agreement and for other services and you are advised to check on all the charges before entering into an agreement. Some accommodation agencies act as the managing agent for the landlord and may sign the contract on their behalf.

#### **LOCAL DAILY PAPER**

THE YORKSHIRE EVENING PRESS, 76/78 WALMGATE YO1 1YN. Property is featured every Thursday. First edition printed at lunchtime. Students who wish to insert an advertisement by telephone should dial: 01904 658661.

*The Accommodation Office at the University of York maintains this page. Inclusion of a letting agent on this list does not imply any recommendation or endorsement nor does the University accept liability for any property obtained through them.*

J:\Private Sector Information\Agencies 2007-08.doc 14<sup>th</sup> December 2007 homes@quantumestateagency.com